

DAP percaya projek mega RM6.3 bilion dapat jana ekonomi Pulau Pinang
Malaysian Insider
Oct 6 , 2013

DAP percaya projek mega bernilai RM6.3 billion di Pulau Pinang bukan sahaja dapat menjana ekonomi negeri tersebut malah memberi pelbagai manfaat kepada rakyat Malaysia.

Menurut Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng (pic), selain menawarkan peluang pekerjaan, kontraktor utama juga berpeluang menawarkan kontrak kepada syarikat tempatan.

Projek mega memakan kos RM6.3 bilion oleh kerajaan negeri pimpinan DAP itu melibatkan pembinaan tiga projek lebuh raya utama dan sebuah terowong dasar laut sepanjang 6.5km dari Gurney Drive ke Bagan Ajam.

"Dalam jangka masa panjang kita percaya hasil dari kerjasama syarikat antarabangsa dapat manfaat apabila dapat berkongsi kemahiran dan teknologi kepada kontraktor tempatan.

"Ia secara tidak langsung bakal melonjakkan reputasi kontraktor tempatan apabila memudahkan mereka mendapatkan projek terutamanya di peringkat antarabangsa," kata Guan Eng dalam satu kenyataan hari ini.

Malah projek ini juga dipercayai dapat mengimbangi perkembangan pembangunan di Seberang Perai Utama (SPU).

Hari ini kerajaan Pulau Pinang menandatangani perjanjian awal bersama Zenith Konsortium BUCG Sdn Bhd dan berusahasama dengan Perbadanan Antarabangsa Pembinaan Kereta Api China (CRCC) serta Kumpulan Pembinaan Urban Beijing untuk mengambil alih kajian kebarangkalian dan kerja-kerja reka bentuk terperinci (FSDD) bagi projek mega ini.

Pengarah BUCG Datuk Zarul Ahmad Zulkifli berkata kerja-kerja pembinaan hanya akan dijalankan setelah kajian FSDD dan Plan Penilaian impak terhadap alam sekitar (EIA) diluluskan.

"FSDD merupakan komponen yang paling kritikal dalam keseluruhan projek bagi memastikan ia mengikut piawaian ditetapkan," kata Zarul.

Zarul berkata lagi fasa permulaan projek FSDD akan mengambil masa kira-kira setahun atau setahun lebih apabila ia telah diluluskan maka bermula kerja-kerja awal pembinaan jalan dan terowong. - 6 Oktober, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-percaya-projek-mega-rm6.3-bilion-dapat-jana-ekonomi-pulau-pinang>

